

08 SEP 2002

Asem-Denmark/I

PUNCA KEGANASAN AKAN DIBINCANGKAN DI SIDANG KEMUNCAC ASEM

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Mengenal pasti punca keganasan dan mencari penyelesaian bagi menangani isu itu akan menjadi satu daripada topik perbincangan di Mesyuarat Asia-Eropah (Asem), sidang kemuncak pemimpin Asia dan Eropah di Copenhagen, Denmark bermula 22 hingga 24 Sept ini.

Duta Denmark ke Malaysia, Lasse Reimann berkata negara itu yang memegang kerusi presiden Kesatuan Eropah (EU) daripada 1 Julai hingga 31 Dis tahun ini berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dapat menghadiri sidang kemuncak itu kerana beliau merupakan pemimpin yang lantang bersuara menggesa dunia mencari punca kepada keganasan sejak awal-awal lagi selepas serangan 11 Sept.

"Kami pastinya perlu menangani isu ini dengan serius di kalangan isu lain yang berkaitan keganasan," kata Reimann dalam satu temubual dengan Bernama.

Keganasan, katanya, ditakrifkan dengan meluas termasuklah pembersihan wang haram, pengedaran dadah dan perdagangan manusia serta juga pelanunan.

Beliau berkata Denmark memberikan keutamaan kepada Sidang Kemuncak Asem kerana ia merupakan forum bagi kerjasama Eropah dan Asia bagi mengumpulkan intipati yang lebih besar.

Menurutnya, walaupun sudah terdapat kerjasama antara kedua-dua benua itu, ia tidak sekukuh seperti yang diharapkan oleh Denmark.

Reimann berkata Sidang Kemuncak Asem akan mengenengahkan tiga tunjang perbincangan utama: dialog politik; ekonomi dan perdagangan; dan isu-isu sosial, budaya dan pendidikan. Ia akan dihadiri para pemimpin dari 15 negara EU dan 10 negara Asia.

Beliau berkata Sidang Kemuncak Asem akan memberi peluang kepada para pemimpin mengadakan dialog tidak rasmi dan mendengar pelbagai pandangan.

"Ianya bukan untuk menyakinkan antara satu sama lain tetapi berkongsi pandangan secara tidak rasmi," katanya.

Reimann berkata Denmark menyifatkan dialog tidak rasmi tetapi mantap itu sebagai satu peluang baik kepada pemimpin untuk mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat lagi dan mengenepikan sebarang halangan jika sekiranya ia wujud sebelum ini.

"Kelak, sekiranya mereka mempunyai masalah, mereka mungkin mudah untuk menghubungi rakan sejawatan mereka. Iaa sangat membantu untuk terus bergerak ke hadapan menerusi pemahaman yang lebih baik dan saling menghormati."

Merujuk kepada inisiatif di bawah proses Asem, Reimann berkata Denmark bekerjasama rapat dengan Malaysia, Singapura dan Ireland mengenai cadangan pendidikan sepanjang hayat di kalangan warga mereka.

Inisiatif pembangunan sumber manusia ini telah mengumpulkan pakar dari sektor kerajaan, ahli akademik dan buruh di empat negara terbabit untuk mengkaji pelbagai pendekatan pembelajaran sepanjang hayat dan penemuan mereka akan dibentangkan di Sidang Kemuncak ASEM.

Reimann berkata cadangan-cadangan mereka akan tertumpu kepada program latihan bagi pekerja berkemahiran, kursus pendidikan, pertukaran pelajar dan pekerja dan suasana bekerja di tempat kerja.

Beliau berkata sebaik cadangan itu disokong di Sidang Kemuncak Asem ianakan dilaksanakan secara besar-besaran bagi memberi manfaat kepada negara anggota.

-- BERNAMA

SHY FR ZK RON